

4. SYARAT-SYARAT PENERIMAAN TAWARAN PERKHIDMATAN HAJI OLEH PENGELOLA JEMAAH HAJI

- 4.1 Sebelum membuat pilihan untuk menunaikan haji melalui Pengelola Jemaah Haji (PJH) bakal jemaah haji hendaklah terlebih dahulu mendaftar haji dengan Lembaga Tabung Haji (**TH**) serta telah menerima surat tawaran terpilih untuk menunaikan
- 4.2 Bakal jemaah haji *standby* juga boleh mendaftar untuk menyertai pakej haji PJH, tetapi pemergian ke Tanah Suci adalah tertakluk kepada kuota haji dan surat tawaran terpilih daripada **TH**.

5. MENARIK DIRI / PEMBATALAN

5.1 Menarik Diri Dari Mengikuti Pengelola Jemaah Haji dan Memohon Mengikuti **TH**

Bakal jemaah haji yang menarik diri daripada mengikuti mana-mana PJH dan memohon semula untuk mengikuti kaedah **TH** - Muassasah hanya akan dipertimbangkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 5.1.1 Pertukaran hanya boleh dilakukan setelah mendapat pelepasan dari PJH.
- 5.1.2 Permohonan akan dikategorikan sebagai pendaftaran lewat dan tertakluk kepada kekosongan penerbangan carter haji **TH**.
- 5.1.3 Bakal jemaah haji tidak boleh memilih penerbangan.
- 5.1.4 Bakal jemaah haji bertanggungjawab mencukupkan Bayaran Haji pada kadar Wang Perbelanjaan Haji Muassasah.
- 5.2 Bakal jemaah haji yang membatalkan pemergian menunaikan haji, urusan mendapatkan semula bayaran yang telah dibuat kepada PJH adalah urusan bakal jemaah haji sendiri.

6. PENGAKUAN

- 6.1 Saya dengan rela hati bersetuju untuk menerima tawaran perkhidmatan haji oleh PJH yang dinamakan di para 3 berdasar tawaran yang terkandung di dalam Brosur Tawaran Perkhidmatan Haji oleh Agensi Pelancongan yang di Lesenkan **TH** Musim 1431H.
- 6.2 Saya tidak akan mengambil apa-apa jenis dakwaan, tindakan, tuntutan, pampasan atau gantirugi terhadap **TH** di atas sebarang kejadian yang melibatkan diri saya atau harta benda dan juga perkara-perkara yang berbangkit daripadanya termasuk apa jua jenis kemalangan samada melibatkan kerosakan atau kerugian tubuh badan atau harta benda, kehilangan, kelewatan, bencana alam termasuk banjir, kebakaran, rusuhan, peperangan, ribut, gempa bumi dan apa jua jenis kesusahan, ketidakselesaian dan seumpamanya yang dialami dalam masa menunaikan fardu haji termasuk semasa perjalanan pergi dan balik.
- 6.3 Saya mengesahkan bahawa semua butiran yang saya turunkan pada borang ini adalah benar.
- 6.4 Saya bersetuju mematuhi Syarat-Syarat Penerimaan Tawaran Perkhidmatan Haji oleh Pengelola Jemaah Haji seperti yang dinyatakan di atas.

Yang benar

Pengesahan
Pengelola Jemaah Haji

Cop Ibu Jari Kiri Pemohon

Tarikh :

Tandatangan
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Pegelola Jemaah Haji :